

Bekas tahanan Abu Ghraib dedah pengalaman

BH - 9/11/2007

PUTRAJAYA: Bekas tahanan Penjara Abu Ghraib, Ali Shalah, 46, akan menceritakan pengalamannya disiksa tentera Amerika Syarikat (AS) pada Persidangan dan Pameran Pendedahan Jenayah Perang: Jadikan Peperangan Suatu Jenayah di Kuala Lumpur, mulai 5 Februari ini.

Pengerusi Perdana Global Peace Organisation (PGPO), Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata banyak pendedahan dan maklumat mengenai jenayah perang akan didedah dan dibincangkan pada persidangan dan pameran di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang turut disertai ramai aktivis serta tokoh asing.

"Kita akan dedahkan butiran terperinci dan dramatik kesan akibat peperangan. Anda juga boleh menemui bekas tahanan perang yang disiksa dan berpeluang mendengar ceritanya," katanya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Persidangan dan pameran itu adalah kesinambungan usaha pertubuhan terbabit mendidik, mempromosi dan meraih sokongan terhadap Inisiatif Kuala Lumpur Untuk Menjadikan Peperangan Suatu Jenayah yang dilancarkan pada 2005.

Mengikut laman web PGPO, pameran perang yang mengisi slot program tiga hari itu bakal menjadi pameran pertama pernah dianjurkan di sebuah negara Islam, yang antara lain memaparkan kekejaman perang di Iraq, Bosnia, Palestin dan Vietnam.

Ia turut membawa pengunjung mendekati kezabab senjata nuklear yang diletupkan di Hiroshima dan Nagasaki, Jepun.

Pameran bersifat interaktif itu membawa pengunjung mendekati kezaliman dan kesengsaraan akibat perang, termasuk penyiksaan yang dialami tahanan di Penjara Abu Ghraib, Iraq dan Guantanamo.